

	<b>GARIS PANDUAN PENGENDALIAN SEMINAR PENCALONAN</b>		
NO. DOKUMEN	IPS 692/2017	TARIKH KUATKUASA	24.11.2017
NO. SEMAKAN	02	HALAMAN	1/7

## 1. PENDAHULUAN

Garis Panduan Pengendalian Seminar Pencalonan ini disediakan sebagai rujukan kepada staf dan pentadbir program Ijazah Tinggi dalam menguruskan pengendalian seminar pencalonan.

## 2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk:

- (1) rujukan kepada PTj tentang kaedah pengendalian seminar pencalonan untuk memastikan kemajuan penyelidikan calon di tahap yang memuaskan;
- (2) mewujudkan keseragaman dan keselarasan di dalam proses pengendalian seminar di setiap PTj agar dapat dilaksanakan dengan teratur; dan
- (3) menjamin kualiti program akademik.

Garis panduan ini adalah terpakai kepada komponen penyelidikan bagi mod pengajian secara Kerja Kursus, Kerja Kursus Klinikal, Mod Campuran dan Penyelidikan.

## 3. TANGGUNGJAWAB

Ketua Pusat Tanggungjawab bertanggungjawab memastikan prosedur ini diikuti semasa urusan pengendalian seminar pencalonan. Sesiapa yang terlibat dalam urusan pengendalian seminar pencalonan perlu mematuhi prosedur ini.

## 4. DOKUMEN RUJUKAN

- (1) Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran) Versi Terkini.
- (2) *Institute of Graduate Studies Postgraduate Handbook 2016/2017 Versi Terkini*

	<b>GARIS PANDUAN PENGENDALIAN SEMINAR PENCALONAN</b>		
NO. DOKUMEN	IPS 692/2017	TARIKH KUATKUASA	24.11.2017
NO. SEMAKAN	02	HALAMAN	2/7

## 5. DAFTAR KATA

### (1) Definisi

Pengendalian Seminar Pencalonan adalah merujuk kepada proses pemantauan berkala kemajuan penyelidikan (contoh, melalui laporan kemajuan atau pembentangan cadangan penyelidikan) dapat menilai pengetahuan, kemahiran pemikiran kritikal, praktikal, teknikal, profesional, saintifik dan penyelesaian masalah calon yang melibatkan panel penilai yang dilantik oleh PTj.

### (2) Singkatan

Universiti PTj	Universiti Malaya Pusat Tanggungjawab
-------------------	--

## 6. PENGENDALIAN SEMINAR PENCALONAN

### (1) *Proposal Defence*

#### (a) Tempoh Pembentangan

- (i) Bagi calon Sarjana dan Kedoktoran secara Penyelidikan dikehendaki membentangkan *Proposal Defence* tidak lewat daripada semester ke-2 pencalonan.
- (ii) Bagi calon Sarjana dan Kedoktoran secara Mod Campuran, dikehendaki membentangkan *Proposal Defence* tidak lewat daripada semester ke-3 pencalonan.
- (iii) Bagi calon Kedoktoran secara Kerja Kursus dan Kerja Kursus Klinikal, dikehendaki membentangkan *Proposal Defence* dalam semester pertama di mana calon mendaftar komponen penyelidikan.

	<b>GARIS PANDUAN PENGENDALIAN SEMINAR PENCALONAN</b>		
NO. DOKUMEN	IPS 692/2017	TARIKH KUATKUASA	24.11.2017
NO. SEMAKAN	02	HALAMAN	3/7

(b) Penyerahan Laporan Cadangan Penyelidikan

Calon dikehendaki menyerahkan empat (4) salinan laporan cadangan penyelidikan yang lengkap di antara 3000-7000 patah perkataan kepada Jabatan/Pejabat Ijazah Tinggi di PTj selewat-lewatnya dua (2) minggu dari tarikh pembentangan merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) Pengenalan, penyataan masalah dan skop penyelidikan;
- (ii) Objektif penyelidikan;
- (iii) Ringkasan kajian literatur;
- (iv) Penerangan *conceptual framework* atau ringkasan kaedah ujikaji (*experiment*) atau ringkasan rekabentuk kajian dan keperluan peralatan;
- (v) Kepentingan dan kerelevanannya kajian;
- (vi) *Preliminary Findings / Pilot Test* (Dapatan Awal, sekiranya ada)
- (vii) Cadangan jadual kerja berdasarkan tarikh penyerahan tesis / disertasi yang ditetapkan; dan
- (viii) Bibliografi ringkas.

**(2) Confirmation Defence** (bagi calon Kemasukan Secara *Fast Track [Accelerated Admission]*)

(a) Tempoh Pembentangan

Bagi calon Kedoktoran secara Penyelidikan bagi Kemasukan Secara *Fast Track (Accelerated Admission)* dikehendaki membentangkan *Confirmation Defence* tidak lewat daripada semester ke-3 pencalonan.

(b) Penyerahan Pengesahan Laporan Cadangan Penyelidikan

Calon dikehendaki menyerahkan empat (4) salinan laporan cadangan penyelidikan yang lengkap di antara 4,000-7000 patah perkataan kepada Jabatan/Pejabat Ijazah Tinggi di PTj selewat-lewatnya dua (2) minggu dari tarikh pembentangan merangkumi perkara-perkara berikut:

	<b>GARIS PANDUAN PENGENDALIAN SEMINAR PENCALONAN</b>		
NO. DOKUMEN	IPS 692/2017	TARIKH KUATKUASA	24.11.2017
NO. SEMAKAN	02	HALAMAN	4/7

- (i) Pengenalan, penyataan masalah dan skop penyelidikan;
- (ii) Objektif penyelidikan;
- (iii) Kajian literatur yang lengkap;
- (iv) Kaedah penyelidikan yang kukuh;
- (v) Kepentingan dan kerelevanannya;
- (vi) *Preliminary Findings / Pilot Test* (Dapatkan Awal, sekiranya ada);
- (vii) Cadangan jadual kerja berdasarkan tarikh penyerahan tesis/disertasi yang ditetapkan; dan
- (viii) Bibliografi ringkas.

### **(3) *Candidature Defence***

#### **(a) Tempoh pembentangan**

- (i) Bagi calon Sarjana secara Penyelidikan, dikehendaki membentangkan *Candidature Defence* tidak lewat daripada semester ke-3 pencalonan.
- (ii) Bagi calon Kedoktoran secara Penyelidikan dikehendaki membentangkan *Candidature Defence* tidak lewat daripada semester ke-5 pencalonan.
- (iii) Bagi calon Kedoktoran secara Kerja Kursus, Kerja Kursus Klinikal serta Mod Campuran dikehendaki membentangkan *Candidature Defence* ditetapkan oleh Fakulti tidak melebihi semester ke-6.
- (iv) Bagi calon Sarjana secara Mod Campuran dikehendaki membentangkan *Candidature Defence* yang ditetapkan oleh Fakulti tidak melebihi semester ke-4.

#### **(b) Penyerahan Laporan Kemajuan**

Calon dikehendaki menyerahkan empat (4) salinan laporan kemajuan penyelidikan yang lengkap di antara 5000-10000 patah perkataan kepada Jabatan/Pejabat Ijazah Tinggi di PTj selewat-lewatnya dua (2) minggu dari tarikh pembentangan merangkumi perkara-perkara berikut:

	<b>GARIS PANDUAN PENGENDALIAN SEMINAR PENCALONAN</b>		
NO. DOKUMEN	IPS 692/2017	TARIKH KUATKUASA	24.11.2017
NO. SEMAKAN	02	HALAMAN	5/7

- (i) Abstrak (500 patah perkataan di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris);
- (ii) Objektif dan pernyataan masalah;
- (iii) Kepentingan dan kerelevanannya;
- (iv) Kajian literatur yang ringkas dan padat;
- (v) Kaedah penyelidikan yang kukuh;
- (vi) Hasil penyelidikan yang telah diperolehi setakat ini;
- (vii) Biblografi yang ringkas dan padat;
- (viii) Rancangan penyelidikan yang membawa kepada penyerahan disertasi / tesis pada tarikh yang ditetapkan; dan
- (ix) Senarai penerbitan atau kertas persidangan yang dibentang dalam tempoh pencalonan, sekiranya ada.

#### **(4) Seminar Tesis**

##### **(a) Tempoh pembentangan**

Bagi calon Kedoktoran secara Penyelidikan dikehendaki membentangkan Seminar Tesis atau yang setara sebelum penyerahan tesis untuk peperiksaan.

##### **(b) Penyerahan ringkasan tesis**

Calon dikehendaki menyerahkan nota pembentangan berserta abstrak kepada Jabatan/Pejabat Ijazah Tinggi di PTJ selewat-lewatnya tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh pembentangan.

### **7. PENILAIAN PEMBENTANGAN SEMINAR PENCALONAN**

- (1) Keariggotaan panel penilai untuk semua seminar pencalonan kecuali Seminar Tesis adalah seperti berikut:
  - (a) Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi) / Ketua Jabatan/ Staf akademik yang dilantik oleh PTJ sebagai Pengurus;
  - (b) Sekurang-kurangnya dua (2) ahli panel terdiri daripada staf akademik dari dalam atau luar Jabatan/Fakulti yang berkaitan dengan bidang penyelidikan calon;

	<b>GARIS PANDUAN PENGENDALIAN SEMINAR PENCALONAN</b>		
NO. DOKUMEN	IPS 692/2017	TARIKH KUATKUASA	24.11.2017
NO. SEMAKAN	02	HALAMAN	6/7

- (c) Korum untuk panel penilai hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) ahli termasuk Pengerusi.
  - (d) Sekurang-kurangnya seorang Penyelia wajib untuk menghadiri pembentangan seminar calon dibawah diseliaanya.
- (2) Bagi Seminar Tesis, Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi) / Ketua Jabatan/ Staf akademik adalah sebagai Pengerusi.
- (3) Kriteria pelantikan panel penilai adalah seperti berikut:
- (a) Panel yang dilantik hendaklah mempunyai kelayakan minimum yang setaraf dengan ijazah atau taraf program pengajian yang didaftar oleh calon.
  - (b) Pelantikan panel hendaklah mengambil kira kemahiran dan pengalaman penyelidikan yang selaras dengan bidang penyelidikan calon.
- (4) Penilaian Pembentangan

Panel yang dilantik hendaklah membuat penilaian terhadap dua (2) aspek seperti berikut dengan menggunakan borang yang ditetapkan oleh Universiti:

- (a) Laporan cadangan / pengesahan / kemajuan penyelidikan
- (b) Pembentangan seminar pencalonan

## 8. Pembentangan Seminar Pencalonan

- (1) Pembentangan seminar pencalonan adalah terdiri daripada seminar berikut:

- (a) *Proposal Defence*;
- (b) *Confirmation Defence* (Kemasukan secara *Fast Track [Accelerated Admission]*);
- (c) *Candidature Defence*; dan
- (d) Seminar Tesis (Program Kedoktoran secara Penyelidikan).

	<b>GARIS PANDUAN PENGENDALIAN SEMINAR PENCALONAN</b>		
NO. DOKUMEN	IPS 692/2017	TARIKH KUATKUASA	24.11.2017
NO. SEMAKAN	02	HALAMAN	7/7

- (2) Slaid pembentangan perlu dikemukakan kepada Jabatan/Pejabat Ijazah Tinggi di PTJ dalam tempoh tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh pembentangan.
- (3) Pembentangan seminar di hadapan panel penilai adalah dalam tempoh tidak melebihi 45 minit termasuk sesi soal jawab.

## 9. PENUTUP

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada Pentadbir Pusat dan Pentadbir PTJ dalam proses pengurusan pengendalian pembentangan seminar pencalonan calon Ijazah Tinggi. Ia juga bertujuan untuk menjamin kualiti dan keselarasan proses di setiap PTJ. Garis panduan ini perlu dibaca bersama-sama dengan Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) dan Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) versi terkini.

Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

Diluluskan oleh Senat pada 23 November 2017.